

Gambaran Keseluruhan Kelayakan dan Perkhidmatan Kecemasan

Apakah itu Red Tab Foundation?

Red Tab Foundation merupakan satu organisasi bebas yang tidak berasaskan keuntungan yang menyediakan bantuan kewangan masa pendek kepada para pekerja Levi Strauss & Co. yang berdepan masalah kritikal. Ia ditubuhkan pada 1981 oleh Jerry O'Shea, seorang pekerja yang telah menggunakan wangnya sendiri untuk membantu rakan sekerja yang memerlukan.

Hari ini, Red Tab Foundation terus menyediakan bantuan kewangan kecemasan kepada para pekerja di seluruh dunia dan dibiayai terutamanya oleh pekerja, para pesara dan pemegang saham syarikat.

Siapa yang layak?

Untuk melayakkan diri bagi menerima bantuan, seorang pekerja mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- Diambil bekerja oleh Levi Strauss & Co. (Kontraktor yang dibayar oleh pihak ketiga dan pekerja francais tidak layak).
- Mengalami kecemasan yang layak.
- Tidak mampu menyelesaikan masalah kewangan menggunakan simpanan peribadi, bantuan keluarga, insuran dan lain-lain.

Kecemasan yang layak?

Bantuan kewangan mungkin diberikan **berdasarkan kecemasan yang tak dijangka** seperti:

- **Penyakit serius atau kecederaan:** Perbelanjaan isi rumah tertunggak atau penafian penjagaan kritikal yang memberi kesan kepada pekerja, pasangan/pasangan bukan berkahwin, anak, adik-beradik atau ibu bapa yang tinggal di dalam satu rumah.
- **Kematian:** Perbelanjaan pengebumian untuk pekerja, pasangan/pasangan bukan berkahwin, anak, adik-beradik atau ibu bapa yang tinggal di dalam satu rumah.
- **Bencana (taufan, kebakaran rumah, lain-lain):** Tempat perlindungan sementara dan/atau bantuan penempatan semula apabila kediaman utama pekerja tidak boleh didiami; penggantian pakaian dan lain-lain keperluan.
- **Perjalanan kecemasan:** Mendapat penjagaan perubatan kritikal yang tidak tersedia di tempat tinggal atau menghadiri pengebumian anak, adik-beradik, ibu bapa atau datuk dan nenek.
- **Kehilangan pekerjaan sukarela:** Perbelanjaan isi rumah yang tertunggak atas sebab kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba atau diberhentikan kerja yang memberi kesan kepada pasangan/pasangan bukan berkahwin, anak, adik-beradik atau ibu bapa yang tinggal di dalam rumah yang sama.
- **Kehilangan kenderaan:** Kos pembaikan kepada satu-satunya sumber kenderaan pekerja.
- **Keganasan rumah tangga:** Tempat perlindungan dan lain-lain barangan keperluan asas yang diperlukan untuk membina semula persekitaran hidup yang selamat disebabkan oleh keganasan rumah tangga.

Berapakah jumlah bantuan kewangan yang boleh diberikan oleh Red Tab Foundation?

Jumlah bergantung sepenuhnya kepada jenis kecemasan dan keperluan kewangan pekerja. Jumlah maksimum adalah USD \$5,000.

Bagaimana untuk saya hubungi Red Tab Foundation?

Hubungi Pengurus anda atau rakan HR, atau hantarkan e-mel kepada Red Tab Foundation di **RedTabFoundation@levi.com**. Jika memerlukan bantuan, sila sertakan nama, lokasi tempat kerja, penerangan tentang masalah, dan kaedah terbaik untuk menghubungi anda.

Semua pertanyaan adalah sulit. Segala maklumat yang anda berikan akan digunakan hanya untuk menentukan kelayakan anda untuk diberi bantuan.